

PERINGATAN PENTING

Perhatian anda dibawa ke butiran Perjanjian dan Perlanjutan Sewaan Tahunan berikut. Merujuk kepada Klausula 2 Perjanjian Sewaan Peti Simpanan Selamat, pihak Syarikat akan terus memperbaharui Polisi Insuran pelanggan berdasarkan jumlah diinsurankan tahun terdahulu pada sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tempoh polisi semasa tamat. Ini adalah untuk menjamin kepentingan pihak penyewa dan syarikat terpelihara.

Dengan demikian, sekiranya anda berhasrat untuk menamatkan sewaan Peti Simpanan Selamat atau untuk mengurangkan jumlah diinsurankan, adalah menjadi tanggungjawab anda selaku penyewa untuk memaklumkan Royal Safe Deposit Box (RSDB) berhubung niat anda untuk menyerahkan balik peti tersebut atau berkaitan sebarang perubahan kepada jumlah diinsurankan sekurang-kurangnya sebulan (30 hari) sebelum tempoh polisi semasa tamat. Kedua-dua kunci MESTI dipulangkan sebelum atau pada tarikh tamat sewaan. Sebarang penangguhan dalam memulangkan kedua-dua kunci tersebut akan mengakibatkan bayaran yuran tahunan sepenuhnya dikenakan. Semua barangan berharga yang disimpan dalam Peti Simpanan Selamat selepas tamat tempoh sewaan adalah di bawah tanggungan penyewa dan Syarikat tidak boleh dipertanggungjawabkan dalam sebarang bentuk.

Dengan berpandukan Klausula 2, sebarang kegagalan untuk memaklumkan RSDB berhubung niat untuk menyerahkan (Menutup Akaun) atau meningkat atau mengurangkan jumlah diinsurankan, akan mengakibatkan sewaan peti simpanan dan insuran untuk tahun berikutnya diperbaharui secara automatik.

“Sila ambil maklum bahawa sebarang permintaan untuk menamatkan/menyerahkan peti simpanan selepas tamat tempoh hanya akan dilayan apabila bayaran sewaan untuk tempoh yang baru dibuat sepenuhnya.

Dengan itu anda perlu membayar sepenuhnya bayaran sewaan yang tertanggung.

Syarikat TIDAK bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada atau menyemak dengan penyewa sama ada mahu meneruskan atau menamatkan akaun mereka. Adalah menjadi tanggungjawab penyewa untuk mengingati tarikh tamat sewaan dan memaklumkan kepada Syarikat berkaitan hasrat mereka. Notis peringatan daripada Syarikat untuk membuat bayaran Yuran Tahunan, yang mana, kebiasaannya diposkan kepada pelanggan dalam masa dua (2) bulan sebelum tarikh tamat sewaan, hanyalah notis ehsan untuk memaklumkan bahawa pembayaran perlu dibuat, yang mana, syarikat boleh menghantarnya pada bila-bila masa yang difikirkan sesuai.

Cabutan dari

PERJANJIAN SEWAAN PETI SIMPANAN SELAMAT

2. Perjanjian ini akan (kecuali ditentukan dalam perjanjian ini selepas ini) disambung dari tahun ke tahun mengikut kadar sewaan semasa dan deposit utama atau bentuk sewaan tahunan yang lain dan deposit utama sebagaimana dinyatakan oleh Syarikat yang dibayar secara pendahuluan dan mengikut terma dan syarat yang dikuatkuasakan ketika itu tetapi bergantung kepada hak-hak penyewa untuk menentukan perkara yang sama dengan memberikan tempoh sebulan notis bertulis atau dalam bentuk yang telah dipersetujui oleh Syarikat sebelum penamatan sewaan dan bergantung kepada hak-hak Syarikat untuk menamatkan sewaan di bawah terma dan syarat yang terkandung selepas ini.

4.

(c) Dalam keadaan dimana salah satu daripada atau kedua-dua kunci telah dicuri atau tersalah letak atau hilang, Penyewa harus melaporkan kepada Syarikat secepat mungkin Penggantian Kunci akan dibuat oleh pekerja yang dilantik oleh Syarikat dengan kehadiran penyewa. Sebarang kos yang timbul akibat daripada kehilangan kunci atau kunci-kunci tersebut atau yang berkaitan dengan penggantian sistem kekunci adalah ditanggung sepenuhnya oleh penyewa. (Jumlah RM 700.00)

7. Syarikat juga boleh menghalang penyewa daripada mengakses peti simpanan jika ada bayaran sewa tertunggak dan tidak dibayar atau jumlah bayaran tidak dibuat dan berhutang kepada Syarikat oleh Penyewa di bawah Perjanjian ini atau atas sebarang alasan yang difikirkan sesuai oleh Syarikat.